



SIARAN MEDIA

PROJEK PENCAHAYAAN BANDAR 'I LITE U' PERKUKUH IDENTITI MALAM KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 28 Oktober 2025 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming hari ini melancarkan Majlis Pra-Pelancaran Projek '**I Lite U**' atau **Projek Inovasi Pencahayaan Ke Arah Kelestarian Bandar**, sempena **Tahun Melawat Malaysia 2026** di Pavillion, Bukit Bintang pagi ini.

Projek '**I Lite U**' merupakan inisiatif pencahayaan hiasan bandar yang dirancang bagi memperkukuh identiti malam Kuala Lumpur sebagai **Bandaraya Pelancongan Bertaraf Antarabangsa** dengan konsep pencahayaan yang moden, harmoni dan beridentiti tempatan bagi meningkatkan imej kawasan Kuala Lumpur khususnya Bukit Bintang sebagai destinasi pelancongan malam utama negara.

Projek ini turut menyokong promosi dan kempen **Visit Malaysia 2026** melalui elemen pencahayaan ikonik, selain memastikan perancangan pencahayaan bandar diselaraskan dengan dasar **Bandar Kuala Lumpur Ceria, Selamat dan Berdaya Huni**.

Menurut YB Tuan Nga Kor Ming, "**KPKT akan memperuntukkan sejumlah RM2 juta kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)** bagi memperkasakan lagi infrastruktur dan ruang awam bandar. "Projek '**I Lite U**' bukan sekadar memperindah pencahayaan malam di Bukit Bintang tetapi menjadi simbol transformasi Kuala Lumpur sebagai bandar raya moden yang mesra pelancong dan beridentiti. Kita mahu mewujudkan suasana yang bukan sahaja indah dan selamat, tetapi juga membangkitkan rasa bangga terhadap keunikan Kuala Lumpur sebagai **bandar raya Malaysia MADANI**."

Sejajar dengan inisiatif ini, satu pertandingan akan dianjurkan dengan **tema 'Illuminate the City, Inspire the Nation!'**. Pertandingan tersebut merangkumi **tiga kategori utama, iaitu Pertandingan Fotografi, Pertandingan Video Pendek, dan Pertandingan Lampu Bangunan Terbaik**. Penyertaan dibuka kepada orang ramai bermula 3 Januari hingga 20 Mac 2026 dengan menawarkan hadiah baucar hotel dan membeli-belah bernilai sehingga RM3,300.

Usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini akan menyemarakkan lagi kempen **Visit Malaysia 2026 (VM2026)** serta menjayakan aspirasi **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** untuk memperindah landskap bandar ke arah "**City for All - Kuala Lumpur Ceria dan Selamat**". Pelaksanaan projek ini turut mendapat kerjasama daripada Pavillion dan Bukit Bintang Kuala Lumpur City Centre Tourism Association (BBKLCC).

Dengan sasaran menarik 47 juta pelawat antarabangsa dan menjana hasil pelancongan bernilai RM329 bilion, **Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026)** bakal menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh sektor pelancongan negara serta menjulang imej Malaysia sebagai destinasi utama dunia.

Majlis pelancaran rasmi **Projek “I Lite U Bukit Bintang”** akan disempurnakan oleh **YAB Perdana Menteri, Datuk Sri Anwar bin Ibrahim** pada **3 Januari 2026**, menandakan simbolik sinaran baharu bagi landskap malam Kuala Lumpur menjelang kempen Visit Malaysia 2026.

Cadangan Reka Bentuk Pencahayaan ‘I Lite U’ menampilkan empat komponen utama iaitu:

1. **Pintu Gerbang (*Gateway Lighting*)**
2. **Crossing Baharu (*New Crossing*)**
3. **Crossing Sedia Ada (*Existing Crossing*)**
4. **Arca Tahun Melawat Malaysia 2026**

Konsep utama yang diketengahkan ialah **“Warm White Celebration of Light”**, iaitu gabungan elemen moden dan tradisional yang menonjolkan suasana malam Kuala Lumpur yang ceria, selamat dan inklusif. Cahaya berona keemasan dipilih bagi melambangkan **kehangatan, kemeriahan dan keterbukaan bandaraya** kepada pelawat tempatan dan antarabangsa.

Motif pencahayaan direka dengan pendekatan **neutral dan elegan**, yang boleh disesuaikan dengan pelbagai tema seperti perayaan, acara kebangsaan dan kempen pelancongan tahunan.

Projek ‘I Lite U’ menandakan langkah ke hadapan dalam memperkukuh imej Kuala Lumpur sebagai **Bandaraya Cahaya dan Kehidupan**, sejajar dengan semangat **Malaysia MADANI**. Projek ini bukan sekadar usaha memperindah pencahayaan, tetapi simbol penyatuan antara **reka bentuk seni, teknologi hijau dan aspirasi rakyat** untuk sebuah bandar yang inklusif, progresif dan berdaya saing di mata dunia.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T